

SYARAT PERTANDINGAN TEH TARIK

1. Peserta mesti berdaftar sebagai pelajar aktif di institusi yang mengambil bahagian.
2. Setiap institusi dibenarkan menghantar maksimum 2 penyertaan (individu/kumpulan).
3. Borang penyertaan mesti dihantar sebelum tarikh tutup yang ditetapkan oleh pihak pengajur.
4. Peserta mesti hadir pada sesi taklimat sebelum pertandingan bermula.
5. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Peraturan Pertandingan

1. Kategori Peserta:

-Terbuka kepada pelajar dari politeknik, kolej komuniti, dan institusi pendidikan lain yang diiktiraf.
-Penyertaan boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan (maksimum 2 orang).

2. Format Pertandingan:

-Peserta perlu menyediakan 2 gelas Teh Tarik untuk dipesembahkan kepada juri
-Peserta perlu menyediakan dan menghidangkan The Tarik dengan diiringi Muzik
-Peserta akan bertanding dalam 1 pusingan sahaja
-Peserta boleh membawa muzik mereka sendiri untuk dimainkan semasa masa pertandingan

-Pemenang akan dikira berdasarkan markah tertinggi yang diberikan oleh juri pertandingan.

3. Tempoh Masa:

-Setiap peserta/kumpulan diberi masa 5-10 minit untuk menyediakan dan mempersembahkan teh tarik mereka.
-Manapun peserta yang tempoh persediaannya melebihi 10 minit boleh dibatalkan kelayakannya

4. Kriteria Penilaian:

-Rasa dan buih (30%): Kesempurnaan teh tarik dari segi kemanisan, kepekatan, dan keseimbangan rasa.

-Teknik (30%): Kemahiran menarik teh, termasuk kelancaran dan kreativiti.
-Persembahan (20%): Gaya dan keunikian persembahan semasa menarik teh.
-Kebersihan (20%): Pemakaian apron, penjagaan peralatan, dan kawasan kerja yang bersih.

5. Pakaian Peserta:

-Semua peserta bebas memakai pakaian yang bersesuaian.

6. Keperluan Peralatan

-Semua peralatan asas (gelas, bekas susu, sudu) dan bahan seperti teh, susu, dan gula akan disediakan.

-Peserta dibenarkan membawa bahan tambahan untuk menambah kreativiti, tetapi bahan tersebut harus diluluskan oleh pihak pengajur sebelum pertandingan.

7. Keselamatan:

-Peserta wajib mematuhi garis panduan keselamatan sepanjang pertandingan.
-Sebarang tingkah laku yang boleh membahayakan peserta atau penonton akan mengakibatkan pembatalan penyertaan.